



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1.	TUJUAN.....	1
2.	LATAR BELAKANG.....	1
3.	PELAKSANAAN	2
4.	HAL-HAL LAIN.....	4
5.	TARIKH KUAT KUASA.....	4
6.	PEMAKAIAN.....	5

JANM.BKP.600-14/1/11(02)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Kementerian

Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Semua Pusat Tanggungjawab

PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sempena Hari Raya Aidilfitri kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah sebanyak RM450 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah.
- 2.2 Kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 juga dipanjangkan pemberiannya kepada pesara kerajaan yang menerima pencen sebanyak RM225.
- 2.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2019 – Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 bertarikh 17 Mei 2019 dan surat daripada Kementerian Kewangan rujukan MOF.DS(S)600-40/3/3(19) – Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* Tahun 2019 bertarikh 17 Mei 2019.

3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan tatacara perakaunan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

3.1 Tarikh Pembayaran

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 akan dibayar pada **24 Mei 2019** kecuali bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang akan dibayar selepas tarikh ini iaitu sebelum 30 Mei 2019.

3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019.

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 menggunakan peruntukan tahun 2019. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

3.3 Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019

Terdapat dua (2) kaedah bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 iaitu :

3.3.1 Bayaran melalui Sistem Gaji Berkomputer

(a) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan

- i. Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019** kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ); dan
- ii. Memproses bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 setelah Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengesahkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019**.

(b) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i. Menyemak **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019** dan mengemukakan kepada Pejabat Perakaunan dengan serta merta. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut; dan

ii. Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak menerima bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dengan kaedah berikut:

- Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran gaji bulan berikutnya;
- Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 sehingga 24 Mei 2019, kutipan tunai hendaklah dibuat ke atas pegawai.

3.3.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E)

Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew. 330E), Jenis Transaksi K2 beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.

3.4 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

3.4.1 Cukai Pendapatan

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 tidak dikira sebagai pendapatan yang dikenakan cukai pendapatan.

3.4.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah tidak termasuk di bawah definisi “Upah” seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). Sehubungan itu, ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3.4.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 tidak dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

3.5 Kod Perakaunan

Kod perakaunan yang digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

Kategori Penerima	Kod Wagetype	Kod Akaun
Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	1072	B0117102
Pegawai Pasukan Keselamatan	1072	B0117202
Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap	1072	B0229306
Pekerja Sambilan Harian (<i>Daily Rated Cycle</i>)	1548	B0229306

4. HAL-HAL LAIN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/ Jabatan dan Pejabat Perakaunan boleh merujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
 Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
 No.1, Persiaran Perdana
 62594, Presint 2
 Putrajaya
 u/p: Unit Pengurusan Prestasi
 Emel : unit_prestasi@anm.gov.my
 No. Telefon : 03-8882 1624/1612/1611

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/ Jabatan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

DATUK SAAT BIN ESA C.A.(M)

Akauntan Negara Malaysia

17 Mei 2019

s.k :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Pegarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua YB Pegawai Kerajaan Kewangan Negeri

Semua Akauntan/ Bendahari Negeri